



**MAJLIS DAERAH RAUB
27600 RAUB
PAHANG DARUL MAKMUR**

Bil.(7)d/m.MDR.5138 Jld.4

IKLAN JAWATAN KOSONG

- A. Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Malaysia (**keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang**) termasuklah Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN BAGI SEMUA JAWATAN:-

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Terdiri daripada warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

BIL	JAWATAN/GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KEKOSONGAN
1	PEGAWAI TADBIR, GRED N41	Pentadbiran dan Sokongan (N)	1
2	PEGAWAI PENILAIAN, GRED W41	Kewangan (W)	1
3	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA, GRED J41	Kejuruteraan (J)	1

TARIKH IKLAN DIKELUARKAN	24 JULAI 2017
TARIKH IKLAN TUTUP	22 OGOS 2017
MASA AKHIR PENERIMAAN BORANG	4.30 PETANG

PEMOHON-PEMOHON HENDAKLAH MEMPUNYAI KELAYAKAN SEPERTI BERIKUT:-

- 1. JAWATAN : PEGAWAI TADBIR, GRED N41**
- Kumpulan Perkhidmatan : **Pengurusan dan Profesional**
- Klasifikasi Perkhidmatan : **Pentadbiran dan Sokongan (N)**
- Taraf Jawatan : **Tetap**
- Kekosongan Jawatan : **Satu (1)**
- Jabatan : **Jabatan Perbendaharaan, Majlis Daerah Raub**

Gaji Jadual Minimum-Maksimum:

RM (SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GREDE GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401NA41000	N41	2,080.00	9,546.00	225.00

SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
 - (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM2,080.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43).
- d) ***Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kelayakan berikut dan mempunyai pengalaman dalam bidang berkenaan.***
 - (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau
 - (ii) lulus peperiksaan akhir Badan-badan Iktisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred WA41: RM2,820.00); atau
 - (iii) lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).
(Gaji permulaan pada Gred WA41: RM2,820.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah dan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 di Jabatan Perbendaharaan, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; **dan**

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) dan **keutamaan kelayakan seperti di perenggan 1 (d) ; dan**
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 tahun atau 56 tahun, **atau**
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS:

Mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi-fungsi perakaunan dan kewangan Majlis Daerah Raub meliputi melaksanakan analisis laporan kewangan serta fungsi perbendaharaan.

2. JAWATAN : PEGAWAI PENILAIAN, GRED W41

- Kumpulan Perkhidmatan : **Pengurusan dan Profesional**
- Klasifikasi Perkhidmatan : **Kewangan**
- Taraf Jawatan : **Tetap**
- Kekosongan Jawatan : **Satu (1)**
- Jabatan : **Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Daerah Raub**

Gaji Jadual Minimum-Maksimum:

RM (SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401WA41000	W41	2,094.00	9,585.00	225.00

SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) (i) Ijazah Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : RM2,508.29);

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penilaian, Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; **dan**

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 2 (c); **dan**
 - (ii) lulus Peperiksaan Ikhtisas Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III anjuran Lembaga Penilaian, Pentaksiran dan Ejen Harta Tanah Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 tahun atau 56 tahun, **atau**
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS:

Tugas utama ialah membuat ukur periksa, menyelidik dan menganalisis butir-butir mengenai harta tanah bagi tujuan menyediakan laporan penilaian. Disamping itu menyelia dan melatih kakitangan bawahan.

3. JAWATAN : PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA, GRED J41

Kumpulan Perkhidmatan : **Pengurusan dan Profesional**

Klasifikasi Perkhidmatan : **Kejuruteraan**

Taraf Jawatan : **Tetap**

Kekosongan Jawatan : **Satu (1)**

Jabatan : **Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap**

Gaji Jadual Minimum-Maksimum:

RM (SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401WA41000	J41	2,529.00	9,643.00	225.00

SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **dan**
- c) (i) Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,529.00); **atau***

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam geografi, ekonomi, sains sosial, antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,529.00); **atau***

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,736.28); **atau***

- (iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,943.84)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; dan

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (c); dan
 - (ii) lulus Peperiksaan Ikhtisas Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III anjuran Lembaga Penilaian, Pentaksiran dan Ejen Harta Tanah Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 tahun atau 56 tahun, **atau**
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS:

Tugas utama ialah merancang, menyediakan, menyelia dan menyelaras kajian rancangan pembangunan dan pelan-pelan pembangunan serta membuat laporan teknikal dan memberi nasihat perancangan termasuk pelan tata-aturn.

B. CARA MEMOHON

1. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Raub** yang boleh didapati di laman web Majlis Daerah Raub di alamat www.mdraub.gov.my, atau dengan datang sendiri ke Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Raub atau mengirim sampul surat berwarna putih beralamat sendiri dan berselem 60 sen untuk setiap satu jawatan. Sila kemukakan permohonan kepada:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH RAUB
27600 RAUB
PAHANG DARUL MAKMUR**

2. Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-

peraturan Pegawai Awam Para 17 yang dikemukakan bersama dengan maklumat perkhidmatan yang terkini dan sokongan Ketua Jabatan beserta dan Laporan Nilain Prestasi terkini.

3. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan dokumen berikut:-
 - 3.1 Salinan kad pengenalan (depan/belakang), salinan sijil lahir, sijil tamat persekolahan, sijil-sijil persekolahan, sijil/diploma/ijazah yang berkaitan, keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang disyaratkan dan lain-lain dokumen pengesahan yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon.
 - 3.2. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:
 - i. Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak disertakan gambar, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan;
 - ii. Tidak menyertakan dokumen-dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan;
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - iv. Permohonan diterima selepas tarikh tutup iklan
 - v. Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi Pegawai yang sedang berkhidmat.

C. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

Permohonan hendaklah sampai kepada:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH RAUB
27600 RAUB
PAHANG DARUL MAKMUR**

Sebelum atau pada : 22 Ogos 2017.

D. CATATAN AM

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil temuduga.
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.

(DATO' HAMDAN BIN HUSSIN, DIMP, SAP, AAP, AMP)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Raub

Bertarikh di Raub pada: 24 Julai 2017.

nnn/R-ina/has d.noma.td/iklanjaw